

01/06/1997

NGO perlu atasi masalah sosial

JOHOR BAHRU: Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini disaran supaya lebih aktif membantu kerajaan menangani masalah sosial terutama membabitkan remaja, kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata, pertubuhan atau persatuan sukarela boleh membantu kerajaan dengan menganjurkan kegiatan yang sihat dan berfaedah untuk disertai mereka.

Katanya, selain itu, ahli pertubuhan dan persatuan juga boleh mengadakan khidmat kaunseling untuk membantu dan memberi nasihat kepada remaja yang bermasalah.

"Jika semua pihak berpadu tenaga, masalah sosial seperti lepak, bohsia, penagihan dadah dan kegiatan kongsi gelap yang disertai remaja dapat diatasi.

"Oleh itu, sudah sampai masanya semua pertubuhan dan persatuan sukarela bergerak aktif untuk menangani masalah sebelum ia semakin parah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Zainalabidin Mohamed Zin pada perasmian mesyuarat agung Persekutuan Persatuan Hainan ke-30 di sini, semalam.

Abdul Ghani juga mengingatkan setiap lapisan masyarakat supaya melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu terutama bagi menghadapi era teknologi maklumat.

"Abad ke-21 adalah zaman teknologi maklumat. Dalam era ini, segala pembangunan dan kemajuan didorong dan dipercepatkan oleh teknologi maklumat.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad merancang dan melancarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi mewujudkan asas yang kukuh dalam bidang teknologi maklumat.

"Untuk itu, setiap lapisan rakyat perlu mematuhi dan menguasai teknologi maklumat dengan menambahkan komputer di kalangan kita," katanya.

(END)